

## Bekalan tepung gandum mencukupi di Sarawak

2020-05-01T09:28:09+08:00  
oleh Jeremy Lanson



**Stanley diberi penerangan oleh pengurusan kilang pemprosesan tepung gandum.**

**KUCHING:** Bekalan tepung gandum mencukupi untuk menampung keperluan di negeri ini terutama bagi Hari Raya Aidilfitri dan Hari Gawai yang bakal tiba.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPNDHEP) Sarawak Datuk Stanley Tan berkata pihaknya dimaklumkan oleh pengurusan kilang pemprosesan tepung gadung bahawa bekalan bijirin mencukupi untuk menampung pusingan stok selama tempoh tiga bulan.



Justeru, katanya sebanyak 3,000 metrik tan tepung gandum diproses setiap bulan akan dapat menampung keperluan rakyat di negeri ini.

"Lawatan telah diadakan di dua kilang pemprosesan tepung gandum di Jalan Bako serta Demak laut dan kita dimaklumkan bekalan tepung gandum bagi keperluan Ramadan dan musim perayaan yang bakal tiba adalah mencukupi.

"Pengeluaran tepung gandum bagi kedua-dua kilang tersebut adalah sebanyak 3,000 metrik tan sebulan untuk menampung keperluan di Sarawak, yang mana penghantarannya dari Kuching ke Limbang dan Lawas," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau selain itu memberitahu pihaknya akan terus melakukan pemeriksaan di kilang-kilang, pemborong dan peruncit bagi memastikan bekalan barangan terkawal mencukupi.

"KPDNHEP memberi tumpuan berterusan dalam memastikan bekalan barangan keperluan dan kepentingan pengguna sentiasa terjamin terutamanya sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini dilaksanakan," tegasnya.

KPDNHEP Sarawak sejak 1 Januari sehingga 29 April memeriksa 15,872 premis perniagaan dengan 407 kes.

Difahamkan daripada 407 kes tersebut, KPDNHEP turut melakukan rampasan barangan mencecah RM2,442,476.38 dan mengeluarkan kompaun RM83,650.

Orang ramai yang ingin membuat aduan kepada KPDNHEP boleh menghubungi hotline 1-800-886-800 atau Portal e-aduan KPDNHEP di <http://e-aduan.kpdnhep.gov.my> atau WhatsApp 019-2794317.

"Aduan juga boleh dibuat terus ke mana-mana pejabat kementerian dan untuk makluman sepanjang tempoh PKP ini, bilik gerakan Enforcement Command Centre (ECC) KPDNHEP Sarawak dibuka dari jam 8 pagi hingga 5.30 petang setiap hari," katanya.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/05/01/bekalan-tepung-gandum-mencukupi-di-sarawak>